

Ketelusan TM diperakui MSWG



Muhyiddin menyerahkan **Anugerah Pengiktirafan Ketelusan Cemerlang** kepada **Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Tan Sri Zamzamzairi Mohd Isa** disaksikan Pengerusi MSWG, Tan Sri Datuk Dr Sulaiman Mahbob (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, Rita Benoy Bushon pada majlis Penemuan dan Pengiktirafan Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2014, Malaysia Chapter di Pusat Konvensyen Sime Darby, baru-baru ini.

(FOTO SHAHRUL HAZAFI/ST)

» **Syarikat dalam 5 senarai teratas indeks transparansi tadbir urus korporat 2014**

Pada 9 Disember lalu, Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG) mengumumkan Indeks Transparansi, Penemuan dan Pengiktirafan Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2014, Malaysia Chapter. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyampaikan ucap tama dan anugerah pengiktirafan kepada semua pemenang.

MSWG mengiktiraf syarikat korporat yang mempraktikkan ketelusan dalam syarikat mereka serta individu yang menggalakan tadbir urus korporat yang baik.

Indeks Transparansi Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN, Malaysia Chapter juga memaparkan 100 syarikat tersenarai awam teratas di Malaysia berdasarkan penzahiran dalam kalangan 873 syarikat tersenarai yang dinilai tahun ini, berdasarkan Prinsip Tadbir Urus Korporat Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Selain itu, 100 syarikat

tersenarai awam teratas itu juga disaring menggunakan kriteria penilaian pulangan atas ekuiti (ROE) sekurang-kurangnya peratus bagi tiga tahun lalu.

Sejak tahun 2009, melalui penilaian tahunan tadbir urus korporat, MSWG berjaya mengumpulkan data selama enam tahun bagi tujuan kajian mengenai beberapa polisi penting.

Dalam hal ini, MSWG mengalu-alukan pihak yang berminat untuk berganding dengan MSWG menjalankan kajian itu.

Syarikat senarai awam tidak boleh laka ataupun melihat tadbir urus korporat sebagai satu amalan box ticking, tetapi perlu terus berusaha untuk memperbaiki dan menanamkan pelbagai teras baik dalam DNA syarikat mereka.

Meningkat secara keseluruhan

Penemuan kajian berdasarkan penilaian MSWG bagi 100 syarikat tersenarai awam teratas menunjukkan keseluruhannya ada peningkatan dari segi penzahiran, memandangkan indeks transparansi tadbir urus korporat meningkat daripada 75.99 pada tahun 2013 kepada 76.35 pada tahun 2014.

Telekom Malaysia Bhd (TM), Bursa Malaysia Bhd, Malayan Banking Bhd, Axiata Group Bhd dan CIMB Group Holdings Bhd

menduduki senarai lima teratas pada indeks kali ini.

Penzahiran minit mesyuarat agung tahunan (AGM) meningkat daripada tujuh syarikat pada tahun 2013 kepada 28 syarikat tahun ini.

Empat asas utama elemen penzahiran

Penzahiran minit AGM secara sukarela tidak diwajibkan yang tidak diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan ataupun kod menggambarkan ketelusan syarikat yang juga intipati tadbir urus korporat yang baik.

Menyentuh mengenai penzahiran tanggungjawab sosial korporat (CSR), hampir semua 100 syarikat senarai awam teratas memberikan beberapa elemen penzahiran merangkumi empat asas utama iaitu tanggungjawab terhadap Lokasi Pasaran, Lokasi Kerja, Komuniti dan Alam Sekitar diperuntukkan di bawah Keperluan Penyenaaran Bursa Malaysia.

Antara penzahiran memerlukan peningkatan di dalam Laporan Kelestarian ialah elemen kos-manfaat dan maklum balas syarikat memberi respons kepada pemegang berkepentingan mereka.

MSWG berharap melihat laporan lebih substantif serta jaminan pihak bebas dalam aspek ini pada masa depan.